

Petronas Chemicals kekal untung, semua projek berjalan lancar

KUALA LUMPUR 27 Mei - Prestasi Petronas Chemicals Group Bhd. (PCG) kekal mencatat untung biarpun berdepan persekitaran mencabar manakala semua projeknya berjalan lancar sepertimana dirancang, kata Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sazali Hamzah.

Menurutnya, walaupun penyusutan harga minyak mentah memberi impak terhadap pendapatan kumpulan namun aspek perniagaannya terus menguntungkan berikutan usaha syarikat mengoptimum serta melakukan penyusunan semula dari segi keutamaan perbelanjaan.

"Kami mempergiatkan tumpuan terhadap usaha mengoptimumkan perbelanjaan operasi serta meneliti semula perbelanjaan modal sejajar perkembangan semasa yang sukar ini," katanya pada acara PCG Bersama Media 2016 di sini, malam semalam.

Ucapannya dibacakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Chemicals Marketing Labuan Sdn. Bhd., Akbar Md. Thayoob



SAZALI HAMZAH

yang juga Ketua Komersial PCG.

PCG mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM896 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2016 berbanding RM843 juta bagi suku sama, tahun lepas.

Mengulas lanjut, Sazali berkata, berdasarkan inisiatif rasionalisasi portfolio projek utama dan pengoptimuman kos, Projek Urea Amonia Sabah di Sipitang dijangka siap pada suku akhir tahun ini yang mampu memacu PCG sebagai pengeluar butiran baja urea kedua terbesar di Asia Tenggara.

Tiga projek pengkhususan

kimia di Gebeng, Pahang juga mengikut jadual iaitu Kompleks Ramuan Aroma Bersepadu, 2Ethyl Hexanoic Acid (2-EHA) dan loji reaktif tinggi poli-isobutene (HR-PIB) yang dilaksanakan oleh syarikat usaha sama, BASF-Petronas Chemicals Sdn. Bhd.

"Saya dengan besar hatinya memaklumkan bahawa kesemua projek ini mencatat kemajuan mengikut rancangan dengan kilang pertama Kompleks Ramuan Aroma Bersepadu dan 2-EHA akan dilaksanakan pada 2016 disusuli HR-PIB pula dijadualkan pada tahun depan," katanya.

Sazali turut berkongsi rasa teruja kumpulan itu untuk meneruskan pelaburan utamanya di Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia di Pengerang, Johor yang dijadualkan beroperasi pada 2019.

Dalam pada itu, beliau turut melahirkan penghargaan ke atas peranan media yang membangkitkan pelbagai isu penting, khususnya membabitkan industri petrokimia. - BERNAMA